

Najib bangga sukan tanah air meningkatkan

UM-14/2/2000

KUALA LUMPUR 13 Feb. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bangga dengan tahap sukan tanah air yang menunjukkan peningkatan dan semakin cemerlang.

Sehubungan itu, beliau menggesa program-program sukan teras dijalankan secara konsisten bagi mencungkil bakat-bakat baru.

"Pencapaian para atlet negara pada Sukan SEA seharusnya dilihat sebagai batu loncatan kepada tahap kesukanan negara yang lebih tinggi lagi," katanya pada pelancaran kempen 'Membesar Bersama Sukan' anjuran Milo di Sekolah Sukan Bukit Jalil, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said.

Katanya, jaguh-jaguh sukan negara sejak dahulu hingga kini telah mempamerkan nilai-nilai dan semangat kesukanan dan daya juang yang begitu baik, sehingga memperoleh pelbagai kejayaan pada peringkat antara-bangsa.

"Walaupun kita mempunyai ikon-ikon yang hebat seperti Nicol David, Esther Cheah, Lee Chong Wei dan Roslinda Samsu, saya ingin melihat program-program sukan teras terus mencungkil bakat-bakat baru dengan cara konsisten," katanya.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Pembangunan Sukan, menyifatkan kempen anjuran Milo itu boleh menjadi 'rakan kongsi' kepada semua program yang diadakan oleh kerajaan.

Beliau turut merakamkan terima kasih kepada Nestle melalui minuman Milo, kerana begitu gigih membantu pembangunan sukan di negara ini terutama di peringkat akar umbi sejak 1950-an.

"Malah hari ini, Milo terus ampuh berganding bersama-sama kerajaan melalui persatuan-persatuan sukan sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun negeri untuk melahirkan jaguh-jaguh bertaraf dunia," tambah beliau.

Katanya, kempen itu begitu besar maknanya ke arah melahirkan rakyat Malaysia sebagai masyarakat yang cergas, aktif dan produktif dengan nilai-nilai murni untuk hari esok. Melalui kempen itu, Milo mempromosikan secara besar-besaran enam nilai positif bersukan dalam pembentukan golongan muda.